

LAPORAN AKHIR

KAJIAN EKSPERIMENT KLINIK SOSIAL DI DESA MENTARI, PETALING JAYA,
SELANGOR

OLEH

PROF. DR. FATIMAH DAUD
PERTUBUHAN PEMBANGUNAN PENDUDUK MALAYSIA (PPPM)

TAJAAN

JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL (JPNIN)
JABATAN PERDANA MENTERI

2011/2012

RINGKASAN EKSEKUTIF

KAJIAN EKSPERIMENT KLINIK SOSIAL DI DESA MENTARI, PETALING JAYA, SELANGOR

1. PENDAHULUAN

Klinik Sosial merupakan perkhidmatan sosial yang memberikan panduan kepada klien-klien tertentu, sama ada secara individu, berkelompok atau berkumpulan, keluarga, organisasi, komuniti atau masyarakat secara keseluruhannya dengan cara menangani sesuatu gejala sosial yang khusus berasaskan kepada prinsip-prinsip bidang sosiologi klinikal.

Masalah perhubungan etnik merupakan salah satu masalah sosial yang memerlukan rawatan. Sehubungan dengan itu, **Pertubuhan Pembangunan Penduduk Malaysia (PPPM)** iaitu sebuah badan bukan kerajaan yang aktif dan berjaya bersama-sama membantu kerajaan dalam menangani masalah hubungan konflik antara pelbagai kaum di Malaysia. PPPM telah bekerjasama dengan JPNIN dan melakukan satu kajian eksperimen dengan menubuhkan sebuah Klinik Sosial di **Desa Mentari, Petaling Jaya, Selangor** serta dijadikan **one stop centre** pada masa akan datang. Kajian ini adalah projek permulaan atau *pilot* dan mendapat sambutan yang baik bukan sahaja daripada pihak kerajaan tetapi daripada semua lapisan masyarakat tanpa mengira etnik, jantina atau status.

2. BIDANG KAJIAN

- a) Mengeksperimen teori-teori hubungan etnik yang dapat membantu mengatasi konflik antara etnik;
- b) Mengkaji persekitaran sosial seperti kesempitan hidup, masalah keluarga dan kesesakan tempat tinggal yang menyebabkan hubungan dengan jiran-jiran menjadi tegang;
- c) Mengkaji faktor prejedis yang wujud yang boleh mencetuskan konflik etnik; dan
- d) Mengkaji faktor sosiobudaya seperti tidak faham adat istiadat dan pantang larang di antara satu kaum dengan yang lain yang boleh menimbulkan konflik etnik.

3. OBJEKTIF KAJIAN

- a) Untuk membantu kerajaan mencapai matlamat perpaduan negara.
- b) Untuk mengkaji bentuk-bentuk prejedis di kalangan penduduk Desa Mentari.
- c) Untuk mengkaji faktor-faktor persekitaran sosioekonomi yang menyebabkan berlakunya konflik etnik.

4. METODOLOGI KAJIAN

- a) Mengutip data latar belakang setiap responden untuk dikumpul serta dianalisis bagi tujuan kajian konflik etnik.
- b) Perbincangan secara berkumpulan bersama pelanggan Klinik Sosial yang mempunyai masalah yang sama.
- c) Menghantar pelanggan untuk bertemu pakar-pakar berdasarkan masalah yang dihadapi.
- d) Melakukan *follow up* setiap kes yang diperolehi.
- e) Menghantar laporan aktiviti bulanan Klinik Sosial kepada JPNIN.
- f) Melakukan aktiviti-aktiviti sosial untuk merapatkan hubungan kaum India dan Melayu.
- g) *Survey* dengan mengisi borang kaji selidik yang mengandungi maklumat pengenalan diri, status ekonomi dan masalah hubungan etnik yang dihadapi serta cadangan yang dikemukakan.
- h) Menjalankan eksperimen dalam bentuk-bentuk berikut :
 - Mengadakan aktiviti senaman aerobik sebanyak 2 kali dalam sebulan.
 - Mengadakan pemeriksaan mata secara percuma.
 - Menjalankan khidmat nasihat guaman secara percuma berkenaan dengan masalah kekeluargaan, penceraian, tuntutan nafkah dan penjagaan anak.
 - Mengadakan kelas tuisyen di beberapa blok di Desa Mentari termasuk di Kampung Lindungan, Kampung Minangkabau, Kampung Medan dan Seri Manja.
 - Mengadakan program Klinik Sehari dengan kerjasama Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM). Di program ini, para penduduk telah diberikan nasihat dan pemeriksaan percuma oleh para doktor.

- Klinik Sosial juga telah mengadakan kelas mengaji al-Quran kepada penduduk yang beragama Islam. Kelas ini dihadiri oleh penduduk Desa Mentari yang terdiri daripada golongan orang dewasa dan kanak-kanak.
- Menjalankan kelas percuma untuk golongan kanak-kanak yang buta huruf. Mereka dilatih menggunakan perkataan yang ringkas dan senang.
- Selain daripada aktiviti beramai-ramai, pihak Klinik Sosial juga telah mengadakan program *walk-in* untuk individu yang mempunyai masalah sosial, ekonomi, kesihatan, konflik keluarga dan serta hubungan etnik. Setiap hari, mereka yang bermasalah datang ke Klinik Sosial. Mereka dikehendaki mengisi borang untuk diambil tindakan.

5. SAMPEL KAJIAN

Setiap blok dikaji 20 orang. Jumlah semua responden 200 orang untuk 10 blok Desa Mentari sahaja. Ia terdiri daripada berbagai kategori umur, pekerjaan serta terdiri daripada kaum India dan Melayu sahaja.

6. DAPATAN KAJIAN

6.1 Laporan Kajian Menggunakan Borang Soal Selidik

Hasil kajian membuktikan bahawa aspek persekitaran seperti kemiskinan hidup, masalah tidak mempunyai pekerjaan yang tetap, keciran pelajar, jenayah, persekitaran tempat tinggal yang kotor dan tidak terurus serta masalah kesihatan merupakan faktor-faktor pendorong kepada ketegangan etnik. Ini ditambah pula dengan adanya sikap prejedis yang kuat di kalangan kedua-dua kaum tersebut.

6.2 Laporan Kajian Eksperimen

Kumpulan kawalan

Kumpulan yang dijemput untuk mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Hasil dari eksperimen, beberapa aktiviti berjaya menyatupadukan kaum, antaranya:

- a) Mengadakan kelas tuisyen perpaduan di mana 60% pelajar Melayu dan 40% pelajar India datang ke kelas tersebut.
- b) Melalui aktiviti membantu kemiskinan, iaitu dengan membuat pendaftaran dan menilai status sosio-ekonomi mereka untuk diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- c) Melalui aktiviti kesihatan seperti klinik sehari, klinik mata serta senam aerobik. Sesuatu usaha untuk menyatupadukan kedua-dua kaum melalui aktiviti yang dilakukan tidak boleh dijalankan dalam bentuk terburu-buru atau mendadak. Ia perlu dibuat secara beransur-ansur dan berterusan.

Kumpulan Tanpa Kawalan

Kumpulan-kumpulan penduduk yang tidak mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti yang dijalankan. Didapati mereka hanya memerhati dari jauh dan mengasingkan diri apabila satu-satu aktiviti dibuat. Mereka menyisihkan diri dan tidak mahu bergaul serta tidak berinteraksi dalam aktiviti yang diadakan.

Program Walk-in

Setiap hari Klinik Sosial dibuka untuk menerima aduan penduduk dengan mengisi borang. Hasil analisis ke atas borang-borang tersebut ternyata yang paling banyak aduan diterima adalah masalah kemiskinan tetapi tiada aduan masalah hubungan etnik diterima.

7. RUMUSAN KAJIAN

7.1 Rumusan dari Kajian Soal Selidik

Terdapat beberapa faktor persekitaran yang menyebabkan berlakunya pengasingan etnik di kalangan penduduk di Desa Mentari. Antaranya:

- a) Taraf pendidikan yang rendah
- b) Berpendapatan rendah dan dibelenggu kemiskinan
- c) Pengangguran
- d) Kejadian jenayah menyebabkan hidup tidak tenteram
- e) Kemudahan infrastruktur tidak mencukupi seperti tempat untuk upacara perkahwinan, parking kenderaan, padang permainan, alat-alat permainan, kemudahan lif
- f) Masalah kebersihan
- g) Penguasaan bahasa Melayu yang lemah untuk berinteraksi di antara satu sama lain
- b) Masalah kesihatan yang kronik dan tidak dapat menampung kos perubatan
- c) Jiran mereka membuat bising, kotor dan ada yang tidak pernah bercakap sesama jiran
- d) Rukun Tetangga terdiri daripada majoriti kaum Melayu sahaja.
- e) Ketidakpuasan hati terhadap pihak berkuasa kerana menempatkan kaum Melayu dan India di bawah satu bumbung

7.2 Rumusan dari Kajian Eksperimen

Aktiviti-aktiviti sosial dapat mengurangkan prejedis melalui adanya interaksi sosial dan adanya tempat untuk mereka mengadu pada setiap hari di Klinik Sosial. Kebanyakan pengaduan bertumpu kepada masalah kemiskinan dan kesihatan. Hampir kesemua aduan yang diterima telah diselesaikan masalah mereka dalam masa yang singkat dengan merujuk kepada pihak-pihak yang berkaitan seperti pakar undang-undang, Hospital Universiti dan Jabatan Tenaga Kerja Negeri Selangor.

Namun begitu, hasil pemerhatian dan interaksi dengan penduduk di sana, mereka masih mengekalkan hubungan bercorak pengasingan kaum. Kaum Melayu dan India tidak banyak berinteraksi walaupun tinggal sebumbung. Malah, mereka tidak bertegur sapa walaupun berjiran.

8. CADANGAN

- a) Pihak berkuasa hendaklah menambah kemudahan-kemudahan asas seperti tong sampah, padang permainan, lif, parking kenderaan dan sebagainya.
- b) Pihak Dewan Bandaraya Petaling Jaya perlu melakukan penyeliaan yang menyeluruh dan ketat terhadap aspek kebersihan di tempat tinggal responden.
- c) Klinik 1Malaysia dicadangkan didirikan untuk pemeriksaan kesihatan yang murah dan dekat di kawasan perumahan.
- d) Pihak polis perlu membuat rondaan yang kerap atau menujuhkan pondok polis di situ.
- d) Kerap mengadakan perbincangan dan mesyuarat di antara satu sama lain untuk mengatasi masalah hubungan kaum.
- e) Disarankan perlu ada kerjasama daripada semua pihak termasuk polis, ahli jawatankuasa Rukun Tetangga dan wakil rakyat untuk membantu mereka.
- f) Pihak berkuasa perlu menujuhkan persatuan seperti Klinik Sosial untuk menganjurkan aktiviti-aktiviti sosial. Aktiviti-aktiviti yang dicadangkan adalah berbentuk sukaneka dan menganjurkan rumah terbuka semua kaum.